

Generasi muda disaran ceburi bidang pertanian kerana punyai masa depan cerah


NS T 15/09/2011 18

SANDAKAN: Seorang pelajar jurusan Hortikultur dan Lanskap di Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah di Sungai Batang di sini berkata pengajian dalam bidang pertanian perlu dicuba oleh generasi hari ini kerana ia mempunyai masa hadapan yang lebih cerah.

Lee Wei Hong dari Selangor memberitahu umum mengetahui sumber ekonomi negara ini juga datangnya dari industri pertanian sejak sekian lama maka sepatutnya tampil menjayakan matlamat yang telah meletakkan pertanian sebagai salah satu agenda utama pembangunan sosio ekonomi di negara ini.

"Sebagai generasi baru, tiada alasan untuk kita tidak menguasai ilmu dalam bidang pertanian apatah lagi sekarang ini pendekatannya yang terkini dengan kepelbagaian teknologi," katanya kepada New Sabah Times semasa ditemui dalam Majlis Amanat Dekan SPL kepada Pelajar-Pelajar Baru di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan pada malam Isnin lalu.

Lee, 20, berkata besar harapannya untuk mendapatkan segulung ijazah apatah lagi keluarga beliau memberikan galakan untuknya belajar dalam bidang tersebut.



LEE WEI HONG

Tambahan pula, katanya, keluarga mereka juga terlibat dalam perusahaan industri per-

tanian membuatkan beliau bertambah semangat untuk berjaya nanti.


"Saya mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan lagi industri ini khususnya melibatkan perusahaan tanaman yang kami jalankan, selari dengan hasrat kerajaan yang mahu meningkatkan ekonomi negara," ujarnya.

Seorang lagi pelajar dalam jurusan Pengeluaran Tanaman iaitu Lai Seit Nee berkata berkat dorongan disamping keluarganya juga mempunyai perladangan mendorong beliau untuk mempelajari bidang sains pertanian itu.

"Bukan saja sekadar minat tetapi ayah saya juga mempunyai ladang. Mungkin selepas memperoleh ijazah dari sekolah ini, saya boleh membantu memajukan perniagaan keluarga kami... lagipun banyak ilmu pengetahuan berkaitan industri ini apabila seseorang mengikuti pembelajaran di SPL," kata Lai yang berasal dari Taiping, Perak.

Kedua-dua pelajar tersebut adalah sebahagian daripada 64 orang pelajar yang baru mendaftar masuk ke SPL di mana sebelum ini semua pelajar telah pun menjalani Program Minggu Orientasi di kampus induk UMS di

Kota Kinabalu. -OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzalin@newsabah-times.com.my)



LAI SEIT NEE